

Geneologi Wacana Negara Islam dalam Perspektif Pemikiran Islam Kontemporari

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 195-209
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 22 July 2025
Accepted: 19 August 2025
Published: 5 September 2025

[Genealogy of the Discourse on the Islamic State in the Perspective of Contemporary Islamic Thought]

Wan Fariza Alyati Wan Zakaria¹ & Zulazmi Yaakob¹

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: aufaa@ukm.edu.my; zulazmi@ukm.edu.my

*Corresponding Author: aufaa@ukm.edu.my

Abstrak

Konsep negara Islam telah menjadi perbincangan ilmuwan dan ulama Islam dalam pelbagai wacana sama ada dalam konteks falsafah, mahupun dari sudut fiqh dan perundangan Islam. Kepelbagaian pewacanaan ini mengambil kira kepelbagaian konteks, dan seringkali dihubungkan dengan negara Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW dari aspek pembentukan, kepimpinan, sistem pentadbiran dan perundangan dan sebagainya. Penulisan ini bertujuan membincangkan genealogi wacana negara Islam dalam konteks era klasik dan moden, serta menilainya dalam perspektif pemikiran Islam masa kini. Masukkan metodologi kajian. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap pandangan karya tokoh-tokoh Islam tentang konsep negara Islam. Pemikiran tokoh Islam klasik dan moden yang dirujuk adalah mewakili konteks yang dibahaskan serta membuka jalan tengah di antara kepelbagaian tersebut. Ia dibahagikan mengikut tema-tema yang dikenal pasti signifikan dan kemudiannya dibandingkan untuk menilai persamaan dan perbezaannya. Diskusi ini diharap dapat mengemukakan perspektif alternatif dalam wacana negara Islam di era kontemporari.

Kata kunci: Wacana Negara Islam, Pemikiran Politik Islam, Perundangan Islam, Model Madinah

Abstract

The concept of the Islamic state has long been the subject of debate among scholars and Muslim jurists across various discourses, whether within the framework of philosophy, jurisprudence, or Islamic legal thought. These discourses take into account diverse contexts and are often linked to the historical model of the Madinah polity established by the Prophet Muhammad (peace be upon him), particularly in relation to its formation, leadership, administrative system, and legal structure. This study aims to examine the genealogy of the discourse on the Islamic state in both classical and modern eras, while evaluating it through the lens of contemporary Islamic thought. Methodologically, this study employs document analysis of classical and modern Islamic scholars' works on the concept of the Islamic state. The selected scholars' ideas are thematically categorized and subsequently compared to identify key commonalities and distinctions. The discussion ultimately seeks to offer an alternative perspective on the discourse of the Islamic state in the contemporary era.

Keywords: Islamic State Discourse, Islamic Political Thought, Islamic Jurisprudence, Madinah Model.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Wan Fariza Alyati Wan Zakaria & Zulázi Yaakob. (2025). Geneologi Wacana Negara Islam dalam Perspektif Pemikiran Islam Kontemporari [Genealogy of the Discourse on the Islamic State in the Perspective of Contemporary Islamic Thought]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 195-209.

Pengenalan

Konsep negara dapat difahami sebagai sebuah kawasan yang mempunyai tanah, penduduk, sistem pentadbiran politik dan perundangan yang tersusun serta undang-undang yang menjadi teras pentadbiran negara yang kukuh. Kayu ukur sesebuah negara itu bukan ditentukan oleh keluasan tanah yang dimiliki namun sebaliknya ditentukan oleh ciri-ciri yang telah digariskan dalam konsep negara tersebut. Brunei dan Singapura adalah contoh negara kecil dari sudut geografi namun demikian kerana memiliki ciri-ciri yang digariskan dalam konsep negara, maka kedua-dua negara tersebut tidak dapat dinafikan kedaulatannya. Namun demikian, elemen keagamaan tidak dapat dinafikan peranannya dalam membentuk asas sesebuah negara.

Pandangan golongan Islamist contohnya menekankan Islamnya sesebuah negara dengan menegakkan hudud dan maqasid syariah. Namun demikian, makna sesebuah negara Islam itu bukan sahaja tertumpu kepada pembentukan perundangannya tetapi pelbagai aspek lain seperti perpaduan dan pembangunan sosial, pendidikan, perdagangan dan sebagainya. Justeru, dalam konteks semasa untuk menetapkan negara Islam bukan sahaja diberi tumpuan kepada pelaksanaan hudud semata-mata, bahkan juga menjamin keamanan dan perlindungan masyarakat Muslim dan bukan Muslim serta hak masing-masing secara adil.

Selain itu, terdapat pelbagai isu yang menimbulkan salah faham terhadap konsep negara Islam yang sebenar seperti kemunculan kumpulan ISIS (*Islamic State of Iran and Syam*) yang menyalahgunakan konsep khilafah Islam untuk mencapai negara Islam versi mereka. Modus operandi mereka yang berbaur kekejaman seperti penculikan, pembunuhan, pengeboman, rampasan kuasa dan penderaan adalah sangat bertentangan ajaran Islam yang penuh dengan kedamaian (Zul'Azmi & Ahmad Sunawari Long 2015).

Wacana Klasik Islam Tentang Negara

Perbincangan mengenai negara menjadi minat para ilmuwan Islam sejak sekian lama. Secara umumnya, penelitian terhadap topik ini muncul selari dengan perkembangan wilayah-wilayah Islam menjadi sebuah empayar yang berdaulat. Perbincangan awal tentang kenegaraan ini terdapat dalam karya-karya ahli fiqh atau fuqaha seperti Abu Yusuf Yaaqub (w.798M) dalam *al-Kharaj* mengenai kewangan negara Islam, dan al-Mawardi (w.1031M) iaitu *Ahkam al-Sultaniyyah* (Peraturan-peraturan mengenai Pemerintahan) yang menjelaskan tentang pentadbiran seperti *imamah*, pelantikan *wazir* dan *amir*, bidang tugas hakim, ibadat-ibadat, hukum-hukum dan *hisbah* (Idris Zakaria 2012: 12).

Karya-karya falsafah karangan al-Farabi (w.951M) dan seumpamanya pula menekankan tentang prinsip-prinsip negara yang unggul secara teori dan praktikal, dengan mengkaji pengalaman serta pemikiran politik asing seperti Greek dan Parsi, seterusnya

menggabungkannya dengan tradisi Islam. Identiti Islam dan negara tidaklah dibincangkan secara khusus kerana proses pembentukan identiti negara bergerak secara organik dengan pembentukan identiti warganegara iaitu rakyat kepada negara tersebut. Walau bagaimanapun, konsep negara Islam pada zaman moden muncul akibat daripada krisis identiti yang dihadapi oleh umat Islam selepas kejatuhan era *Khilafah Uthmaniyyah* serta fenomena pasca penjajahan kerana umat Islam menghadapi perpecahan politik yang serius dan negara-negara baru muncul selepas mendapat kemerdekaan, justeru timbul persoalan mengenai identiti Islam dan negara. Dilema ini akibat daripada pengaruh sistem penjajah yang diterima pakai telah mencabut nilai, amalan serta sistem masyarakat yang telah bersebuti dengan ajaran Islam.

Sarjana Islam khususnya ulama era klasik berpendapat bahawa secara konseptualnya, bentuk dan istilah negara itu merujuk kepada penubuhan ataupun tertegaknya sebuah negara Islam berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-dua sumber perundangan tersebut merupakan tunjang utama perlembagaan bagi menjadikan sesebuah negara itu layak untuk dilabelkan sebagai negara Islam. Wilayah kekuasaan negara Islam pula tidak di sempadankan mengikut persamaan sejarah, bahasa, bangsa dan geografi seperti yang dikenali di Barat sebagai nasionalisme, namun berdasarkan kepada ikatan akidah Islam dalam konteks kekhalifahan (A. Hasjmy, 1970).

Secara literalnya, khalifah bermaksud wakil, pengganti ataupun yang diberi mandat. Jika dilihat dalam konteks kenegaraan, khilafah merupakan sebuah institusi pemerintahan (Komaruddin Hidayat, 2019:97-110). Menurut Ibnu Manzur dalam *Lisan al-Arab* (1968), khalifah berasal dari perkataan *khalafa* yang membawa makna seseorang dilantik untuk menggantikan orang lain. Contoh, seperti kata-kata Musa kepada Harun yang telah dinukilkan dalam al-Quran, surah al-A'raf ayat 142 yang bermaksud: "...dan berkata Musa kepada saudaranya Harun: "Gantikanlah aku dalam (memimpin) kaumku...".

Bahkan, dalam konteks manusia sebagai khalifah atau wakil Allah di muka bumi, ia bukan sahaja hanya tertumpu kepada penguasa ataupun pemerintah wilayah yang berada di bawah takluk kerajaan Islam, tetapi juga penjaga dan autoriti yang paling benar dan mempunyai kesahihan untuk melaksanakan perundangan dan syariah Islam (W.M. Watt 1980).

Kalimah khilafah dalam bahasa Arab pula merujuk kepada sebuah sistem pemerintahan yang menjadikan khalifah sebagai syarat utama menerajui sistem tersebut. Justeru, adalah mustahil wujudnya khilafah tanpa seorang khalifah. Selain Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai sumber perundangan yang utama, khilafah ditadbir oleh khalifah secara musyawarah. Khilafah juga menjadi medium untuk menegakkan agama dan melaksanakan syariah sehingga dibangunkan konsep agama dan negara (Ade Shitu 1991). Frasa agama dan negara (*din wa dawlah*) ini pertama kalinya digunakan oleh Ali ibn Rabban al-Tabari (w. 870M) sebagai judul bukunya *Al-din wa'l-dawlah fi ithbat nubuwwat Muhammad*. Ia menunjukkan bahawa Islam merangkumi urusan agama dan politik dalam komuniti Muslim. Dalam konteks masa kini, konsep ini menekankan bahawa Islam bukan hanya agama (*din*) dalam pengertian sekular Barat, tetapi juga mempengaruhi hal-hal berkaitan dengan negara dan pemerintahan (*dawlah*) (John L. Esposito 2003).

Menurut Ibn Khaldun (w.1406M) pula, khilafah ialah tanggungjawab umum yang dituntut oleh perundangan syariat bagi tujuan mewujudkan kemaslahatan dunia dan akhirat bagi umat yang menjadikan khilafah sebagai rujukan. Oleh itu, untuk mencapai kemaslahatan di akhirat yang disahkan sebagai matlamat akhir dalam Islam, maka kehidupan dunia haruslah

secara keseluruhannya dirujuk kepada al-Quran dan Sunnah. Khalifah merupakan pengganti Nabi Muhammad s.a.w dalam memelihara urusan agama dan mengatur politik keduniaan.

Pengertian ini mempunyai persamaan dengan konsep *Imamah* iaitu kepemimpinan menyeluruh yang berkaitan dengan urusan keagamaan dan urusan dunia sebagai pengganti fungsi Rasulullah s.a.w (Ali Abd al-Raziq 1992). Lois Ma'luf (1973) dalam *al-Munjid fil al-Lughat wa al-'Alam* menukikan bahawa al-Mawardi menggunakan istilah khilafah dan *imamah* secara bertukar-ganti dalam menjelaskan pemerintahan Islam Kata khilafah juga boleh dianalogikan dengan perkataan *imamah* yang mengandungi makna keimanan, kepimpinan, pemerintahan (Moh. E. Hasim 1987).

Kesemua istilah tersebut bukan sahaja merupakan antara komponen penting dalam perbincangan mengenai penentuan ciri negara bahkan intelektual Islam klasik bersetuju bahawa khalifah dan kekhilafahan merupakan bahagian yang tidak terpisahkan dalam Islam. Jika terdapat perbezaan, maka ia lebih kepada penekanan dan pentafsiran terhadap isu seperti dalam syarat-syarat kelayakan pemimpin. Sebagai contoh, al-Ghazali dan al-Mawardi menetapkan salah satu syarat untuk menjadi khalifah adalah berketurunan Quraisy (Munawir Syadzali, 1990). Justeru, dilihat dari konteks sejarah, khilafah memiliki makna yang bebas iaitu pemerintahan ataupun institusi pemerintahan dalam sejarah Islam.

Peristiwa pasca kewafatan Rasulullah s.a.w tidak dapat tidak menjadi rujukan apabila menelusuri perkembangan dan penubuhan sebuah sistem khilafah Islam. Ia menandakan bermulanya era penubuhan negara yang lebih sistematik di bawah pemerintahan Sahabat Baginda s.a.w yang utama, yakni Khulafa' Al-Rasyidin. Kesenambungan pemerintahan Islam ke era Khilafah Umayyah kemudiannya menyaksikan perpindahan ibu kota negara dari Madinah ke Damsyik serta pertukaran sistem pemerintahan monarki bagi menggantikan sistem syura pada zaman Khulafa' al-Rasyidin. Selepas itu, diganti pula dengan Khilafah Abbasiyyah yang terkenal sebagai zaman kegemilangan tamadun Islam, terutama ketika pemerintahan Harun Al-Rasyid sebagai khalifah yang berhasil menjadikan Baghdad sebagai mercu tanda keilmuan dengan penubuhan Bayt al-Hikmah.

Kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w sebagai ketua negara dalam mengurus ekonomi, sebagai rujukan utama dalam perundangan negara, sebagai ketua tentera yang memimpin ekspedisi ketenteraan, menjadi pemimpin dan menyatukan semua penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan suku menjadi tanda aras peranan khalifah dalam era khilafah pasca kewafatan Baginda s.a.w. (Didin Seafuddin, 2009). Walaupun idea dan pemahaman mengenai negara Islam yang terdapat pada masa kini tiada pada peringkat awal kemunculan Islam kerana konteks yang berbeza, Islam menyediakan konsep dan prinsip asas sistem pemerintahan mengikut acuan Islam. Penggubalan Piagam Madinah sebagai satu kontrak sosial menjadi teras perlembagaan negara yang pertama. Ia menyatukan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan suku (Abdul Aziz, 2011), bahkan menjadi asas keharmonian negara jika diukur menggunakan parameter politik zaman moden (Dhiauddin Rais, 2001:4).

Konsep Negara Islam

Dalam *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-'Alam* (1987), negara ataupun dalam bahasa Arabnya *al-dawlah* berasal daripada perkataan *dala-yadullu-dawlatan* yang bererti geografi sesebuah kawasan, daerah atau negara yang didiami dan ditadbir oleh sekelompok manusia. Negara tersebut boleh sahaja ditadbir oleh sekelompok bangsa sahaja ataupun berbilang bangsa. Terdapat juga perkataan lain yang memiliki maksud yang sama dengan *al-dawlah* iaitu *al-bilad* yang bermaksud daerah yang ditempati dan ditadbir oleh sekumpulan manusia. Dalam penulisan al-Razi (1989), beliau memetik definisi yang dikemukakan oleh Muhammad ibn Abu Bakr iaitu, *al-dawlah* bermaksud pertukaran kuasa penaklukan atau pemerintahan ke atas sesebuah daerah atau negara daripada satu kumpulan kepada satu kumpulan yang lain mengikut pemilihan dan kehendak majoriti masyarakat yang tinggal dan menetap di dalamnya.

Manakala, dari sudut istilah pula *al-dawlah* merujuk kepada sekumpulan manusia yang ramai dan hidup di sesebuah kawasan secara tetap. Apabila menetap secara tetap di sesebuah kawasan, mereka membangunkan undang-undang serta menyusun sistem pentadbiran bagi tujuan untuk melancarkan lagi kehidupan masyarakat yang bernaung di bawah pemimpin yang mentadbir negara tersebut (Muhammad ibn Abd al-Qadir 1986).

Dalam perbincangan ulama' mengenai negara Islam, Ibn Hajar sebagai contoh, membahagikan kepada tiga kategori iaitu pertama, negara Islam merupakan tanah yang didiami oleh umat Islam pada asalnya dan dipimpin oleh seorang yang beragama Islam, seperti negara Madinah. Kedua, negara Islam yang bermula dengan tanah yang dibuka oleh umat Islam melalui peperangan dan persefahaman, walaupun penduduk asalnya bukan beragama Islam. Pembayaran jizyah oleh penduduknya yang bukan Islam menunjukkan persetujuan dan komitmen untuk bernaung di bawah pemerintahan Islam serta manifestasi dan simbol kesetiaan terhadap negara. Kategori ketiga pula ialah negara yang didiami dan diperintah oleh umat Islam dan kemudiannya dijajah oleh orang bukan Islam, contohnya Tanah Melayu, maka ia tetap diiktiraf sebagai sebuah negara Islam (Mohd Izhar Ariff et.al 2012).

Ulama fiqh seperti Abu Hanifah pula menjelaskan negara Islam sebagai sebuah negara aman yang memudahkan umat Islam beribadah kepada Allah s.w.t tanpa rasa bimbang. Sebaliknya, sesebuah negara yang mana rakyat Muslimnya merasa bimbang untuk beribadah dengan bebas, maka negara tersebut diklasifikasikan sebagai negara *al-harbi*. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Yusuf al-Qardhawi, Muhammad Abu Zahrah dan al-Zuhayli (Mohd Izhar Ariff et.al 2012). Menurut Ibn Abidin pula, sebuah negara kafir akan berubah menjadi negara Islam sekiranya berlaku pelaksanaan hukum-hukum Islam dalam negara tersebut seperti kebebasan menunaikan solat lima waktu, solat Jumaat, hari raya, puasa, ibadah korban dan sebagainya. Al-Maqdisi pula berpandangan bahawa jika sesebuah negara dikuasai oleh undang-undang bukan Islam maka negara tersebut tidak diiktiraf sebagai negara Islam. Justeru, sesebuah negara dianggap sebagai negara Islam jika pengaruh, penguasaan dan orang yang menerajui kepimpinan negara tersebut adalah orang Islam (Mohd Izhar Ariff et.al 2012).

Hal ini berdasarkan pandangan al-Zuhayli yang menyatakan bahawa negara Islam ialah semua negara yang berada di bawah pimpinan atau Sultan yang beragama Islam, melaksanakan undang-undang Islam dan menjadi pembela kepada rakyat dengan menjaga kebajikan mereka. Al-Zuhayli juga memberi nama lain yang sinonim dengan negara Islam iaitu *al-Dawlah al-*

*Adil*ah yang membawa maksud sebuah negara yang menegakkan keadilan dalam pentadbiran, bertepatan dengan ketetapan Islam yang menjadikan keadilan sebagai salah satu prinsip penting dalam agama (Mohd Izhar Ariff et.al 2012).

Jika dirujuk perbezaan takrif yang mencirikan negara Islam dalam perbahasan ulama terdahulu dan kontemporari, adalah jelas bahawa ciri-ciri negara Islam yang maksimum sebagaimana yang dirumuskan dalam kajian Mohd Izhar Ariff et.al (2012) adalah seperti berikut:

- i. Negara Islam merupakan sebuah negara yang melaksanakan syariat dan syiar Islam dengan aman dan bebas.
- ii. Negara Islam ialah negara yang ditadbir oleh pemerintah dari kalangan umat Islam
- iii. Ciri utama sebuah negara Islam ialah menjamin keselamatan dan keamanan rakyatnya yang beragama Islam.
- iv. Undang-undang negara Islam dilaksanakan berdasarkan syariat secara menyeluruh dan total.

Namun demikian, realiti keadaan semasa dan kekuatan politik umat Islam pada hari ini menunjukkan terdapat juga ciri-ciri minimum yang dibincangkan oleh ulama seperti:

- i. Negara Islam ialah sebuah negara yang didiami oleh majoriti umat Islam
- ii. Negara Islam ialah sebuah negara yang diketuai oleh orang Islam begitu juga timbalannya.
- iii. Pentadbiran negara harus dikuasai oleh orang Islam.
- iv. Bebas mengamalkan syariat Islam dan melaksanakan ibadah.
- v. Umat Islam berasa aman sejahtera bila berada di bawah naungan negara tersebut.

Justeru, terdapat ruang yang luas dalam perbahasan mengenai takrif dan ciri negara Islam, mengikut konteks yang sesuai dan praktikal dengan keadaan masyarakat untuk menjaga *masalah* umat Islam di negara masing-masing. Hal ini terutamanya menjadi lebih penting, kerana situasi negara-negara umat Islam era moden yang berdepan dengan cabaran dan tuntutan membangunkan negara pasca kolonial, serta dominasi demokrasi dan globalisasi dalam bentuk sistem, nilai dan saling-bergantungan permasalahan dunia pada hari ini. Dalam hal ini, terdapat respons yang berbeza dalam kalangan sarjana Islam moden berkaitan keserasian konsep negara Islam seperti yang dibahaskan oleh para ulama sebelum ini, dengan sistem demokrasi yang menjadi tanda aras kemodenan hari ini.

Teori Negara Islam Menurut Sarjana Islam Moden

Perbincangan mengenai teori Negara Islam tidak dapat lari dari teori kedaulatan oleh al-Maududi. Kedaulatan ataupun disebut dalam bahasa Arabnya sebagai *al-siyadah* merupakan sebuah konsep baru yang dibahaskan dalam perbahasan negara Islam era moden. Definisi kedaulatan menurut al-Maududi ialah kekuasaan yang memberikan hak atau suara yang terbatas kepada rakyat di bawah naungan Tuhan. Menurut al-Maududi, kedaulatan sesebuah negara

Islam adalah berbeza dengan negara demokrasi Barat kerana ia tidak sepatutnya dimiliki sepenuhnya oleh rakyat, bahkan hak mutlak Tuhan. Teori al-Maududi ini dikenali sebagai teo-demokrasi, yakni satu kombinasi demokrasi sebagai akar pemerintahan yang dipadukan dengan panduan al-Quran dan hadis. Penolakan al-Maududi terhadap demokrasi Barat bukan semata-mata atas asas keagamaan, namun reaksi terhadap amalan demokrasi Barat yang mendatangkan keburukan kepada situasi politik India serta penindasan kepada rakyat pada masa itu. Selain itu, teori kedaulatan rakyat menurut Barat tidak berdasarkan petunjuk Allah, justeru wajib ditinggalkan kerana dianggap menolak kedaulatan Tuhan serta mensyirikkan-Nya, sedangkan tindakan manusia yang tunduk dan patuh kepada Tuhan perlu selari dengan landasan wahyu (Mukti Ali, 1996).

Teori teo-demokrasi al-Maududi juga dikenali sebagai teori *al-hakimiyyah al-ilahiyyah* yang menjelaskan bahawa Allah merupakan pencipta seluruh alam semesta termasuk manusia dan segala pemikiran akal manusia. Maka, kekuasaan perundangan dan kedaulatan hukum tertinggi dalam sesebuah negara Islam adalah berpusat kepada Tuhan dan bukan pada manusia (M. Iqbal & Amin Hussein Nasution). Kekuasaan mutlak Allah dalam bidang perundangan bermaksud hanya Tuhan yang berhak menentu dan menetapkan hukum perundangan, manakala umat Islam wajib mentaati undang-undang tersebut, bahkan haram meninggalkannya kerana mengikut perundangan buatan manusia. Teori ini juga menjadi sumber ambilan kepada golongan teroris Muslim pada hari ini (Baeni Ahmad Saebani, 2007).

Terdapat tiga prinsip dalam membangunkan sesebuah negara berdasarkan politik Islam yang dijelaskan oleh al-Maududi, iaitu tauhid, risalah dan khilafah. Prinsip pertama adalah tauhid sebagai dasar dan prinsip utama dalam bernegara. Ini bermaksud Allah merupakan autoriti yang berhak ke atas kedaulatan sesebuah negara, manusia yang dipilih sebagai pemimpin hanya merupakan alat untuk menjalankan kewajipan dengan berpandukan firman-firman Allah. Kedua, prinsip risalah iaitu prinsip kerasulan, yakni menjadikan menjadikan perilaku dan sunnah Rasulullah sebagai cerminan dan contoh terbaik (*uswatun hasanah*) termasuk dalam berpolitik. Prinsip ketiga, khilafah yang bermaksud manusia sebagai wakil Allah di muka bumi. Oleh itu, kekuasaan manusia merupakan mandat daripada Allah. Justeru, wajib ke atas pemimpin menjalankan pemerintahannya menepati batas-batas yang telah digariskan melalui al-Quran dan hadis (Baeni Ahmad Saebani, 2007).

Menurut al-Maududi, penubuhan negara adalah tuntutan agama, yang dijelaskan sebagai lima tujuan didirikan negara dalam Islam. Pertama, untuk mengelakkan berlakunya penguasaan ataupun eksploitasi manusia ke atas manusia lain dalam masyarakat. Kedua, untuk memelihara kebebasan beragama, berpolitik, ekonomi, pendidikan dan melindungi masyarakat yang bernaung di bawah negara Islam dari ancaman pihak asing. Ketiga, untuk menegakkan sistem keadilan sosial yang seimbang seperti yang dianjurkan oleh al-Quran. Keempat, untuk melaksanakan amar makruf nahi munkar. Kelima, untuk mewujudkan tempat tinggal yang aman damai bagi setiap warganegara serta melaksanakan perundangan tanpa diskriminasi (Abdul Muin Salim 1995).

Irfan Ahmad (2009) dalam *Geneology of the Islamic State: Reflection on Maududi's Political Thought and Islamism* menegaskan bahawa kerangka pemikiran al-Maududi mengenai konsep negara Islam disebut sebagai "*fusion framework*" yang menghujahkan bahawa konsep agama dan negara (*din wa dawlah/religion and state*) tidak dapat dipisahkan, bahkan Islam sejak awal kemunculannya menggagaskan ia sebagai doktrin agama. Hal ini,

tegas Irfan lagi, selari dengan kenyataan beberapa orang orientalis Barat seperti Bernard Lewis (1996) dalam kenyataan beliau, *“In Islam...there is from the beginning an interpenetration, almost an identification, of...religion and the state”* dan juga kenyataan Lambton (1988): *“From the very beginning, religion and state were one and this remained a characteristic of Islam down to the modern times.”*

Kritikan Irfan Ahmad (2009) terhadap idea negara Islam al-Maududi dibina berasaskan pendekatan antropologi, dengan melihat dinamikanya sebagai produk perkembangan zaman moden, dan bukan faktor teologi semata-mata. Ia merangkumi faktor-faktor politik dan juga konteks sejarah, justeru ia tertakluk kepada tafsiran dan ideologi yang membentuk kefahaman tentang apa yang dimaknakan tentang negara Islam dan hubungan antara agama dan negara. Hakikatnya, terdapat pandangan serta interpretasi yang berbeza berkenaan konsep negara Islam, seperti pandangan Muhammad Asad bahawa meletakkan konsep negara moden dalam konteks masyarakat Arab abad ketujuh Masihi adalah suatu yang bersifat *misleading* (Asad 1961).

Menolak teori kedaulatan Tuhan oleh al-Maududi, Fazlur Rahman mengemukakan teori kedaulatan versinya yang dibahagikan kepada tiga asas. Pertama, rakyat sebagai komponen penting dalam pembentukan negara Islam. Justeru rakyat sebuah negara Islam sentiasa menyokong antara satu sama lain tanpa mengira kelas dan bekerjasama dalam menyeru kepada kebaikan dan mencegah kejahatan. Kedua, kedudukan institusi syura sebagai sebuah badan legislatif yang mewakili aspirasi dan keinginan rakyat terhadap pemimpin negara. Oleh itu, kedudukan institusi syura adalah sangat penting dalam kebijakan dan kesejahteraan negara dan masyarakat. Pelaksanaan syura menurut beliau, merupakan petunjuk Islam mendukung sistem demokrasi yang tidak berlawanan dengan fitrah seorang Muslim dan syariat agama. Dan ketiga, kedudukan hukum Tuhan dalam negara Islam. Berkenaan hukum Tuhan sebagai autoriti tertinggi dalam pentadbiran, Fazlur Rahman berpendapat bahawa hukum Tuhan wajib ditaati oleh rakyat negara Islam kerana tujuan pembentukan negara Islam itu sendiri sejalan dengan perintah Allah yang merupakan dasar yang menjadi panduan moral untuk manusia (M. Hasbi Amiruddin 2000).

Sekalipun Fazlur Rahman tidak mentakrifkan dan mencirikan negara Islam secara langsung, beliau dilihat cenderung berpandangan bahawa Islam tidak menjelaskan sistem kenegaraan secara eksplisit, namun menyentuh tentang nilai dan etika kenegaraan. Walaupun berbeza pandangan dengan al-Maududi, Fazlur Rahman (1986) percaya bahawa agama dan politik tidak dapat dipisahkan seperti yang dipetik dalam penulisan beliau, *Islam and Political Action: Politics in The Service of Religion*, halaman 154: *“...in Islam there is no separation between religion and state”*. Tegasnya, Fazlur Rahman memandang agama dan politik ataupun urusan kenegaraan dalam kerangka yang disebut oleh Irfan Ahmad sebagai *“fusion framework”*. Syafii Maarif (1985) memetik kenyataan Fazlur Rahman bahawa ikatan agama dan negara adalah bertepatan dengan tujuan utama perutusan al-Quran iaitu menegakkan kesatuan masyarakat dan politik. Justeru, masyarakat memerlukan kewujudan sebuah negara. Panduan al-Quran berkenaan nilai dan etika kenegaraan kemudiannya dirumuskan dalam bentuk kenegaraan Islam.

Badan pemerintah dan pemerintahan pula menurut Fazlur Rahman, merupakan sebuah komponen yang sangat penting dalam pembentukan sesebuah negara serta menjamin kelancaran hidup bermasyarakat. Organisasi pemerintahan perlu mempunyai prinsip dan nilai

yang mengutamakan dan memberi kebaikan kepada masyarakat, nilai kerakyatan dan berlaku adil serta memberikan kebebasan kepada rakyat untuk mengemukakan pandangan (M. Hasbi Amiruddin 2000). Hal ini selari dengan tujuan penting pemerintahan sebuah negara Islam, antaranya ialah mempertahankan keselamatan dan integriti negara, memelihara pelaksanaan undang-undang dengan penuh etika dan tertib bagi memupuk kesedaran warganegara khususnya rakyat Muslim untuk menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara dan masyarakat. Justeru, untuk merealisasikan tujuan tersebut, sesebuah negara Islam itu perlu memiliki pemerintahan pusat yang kuat dan stabil serta mampu membuat keputusan demi pembaharuan untuk memajukan negara, dan ia perlu dimulakan dengan pemilihan pucuk pimpinan yang mempunyai wawasan dan pemikiran yang luas, bersifat berani serta sesuai dengan aspirasi dan keinginan rakyat (Esposito 2003). Pada asasnya, pandangan Fazlur Rahman ini mewakili aliran modenisme, berbanding pandangan al-Maududi yang disifatkan sebagai mewakili aliran Islamisme.

Aliran Islamisme ini yang bertujuan untuk menghidupkan kembali Islam dan memartabatkan umat Islam dengan mewujudkan negara Islam. Istilah “Islamis” pula merujuk kepada mereka yang mengaitkan diri dengan ideologi kebangkitan al-Maududi dan praktik politik berdasarkan atau diilhamkan oleh beliau (Husnul Amin, 2010). Wacana “Islamisme” juga dikenali sebagai “Islam politik”, yang menurut Asef Bayat (1996), muncul atau bermula dengan Revolusi Islam di Iran pada Februari 1979 dengan tertubuhnya sebuah negara Islam yang pertama di era moden. Menurut Mohammed Ayoob (2008: 2) pula, yang dimaksudkan dengan “Islam politik” atau Islamisme ialah Islam sebagai ideologi politik berbanding sebagai agama atau teologi. Secara lebih tepat, beliau menjelaskan “Islam politik” sebagai “...a form of instrumentalization of Islam by individuals, groups and organizations that pursue political objectives”.

Jalan Tengah

Islam sebagai suatu pandangan dunia yang integratif dan menyediakan perspektif moral dan hukum kepada kehidupan manusia, dan bukannya menyediakan jawapan yang *ready-made* kepada semua permasalahan manusia. Pandangan bahawa dengan terbentuknya sebuah negara Islam, maka dengan itu semua permasalahan umat Islam akan selesai adalah suatu andaian yang bersifat simplistik, seperti mana realiti yang dihadapi oleh idea-idea 'Negara Islam' moden yang wujud pada masa kini, sama ada Iran, Arab Saudi, Sudan dan Pakistan kerana Islam dan negara Islam ditanggapi sebagai ideologi oleh sekelompok kumpulan. Pandangan ini dikemukakan oleh Ziauddin Sardar sebagai reaksi pada zaman di mana kemunculan kelompok Islamist yang menganjurkan pelaksanaan Islam secara total dan penubuhan sebuah negara Islam sebagai agenda politik telah melahirkan beberapa impak dalam pemikiran dan praktis kenegaraan Islam di era moden.

Menurut Ziauddin Sardar (1988), negara Islam yang ideal adalah berdasarkan kepada model Negara Madinah yang menjadi asas pembinaan dan perkembangan tamadun Islam. Konsep model Negara Madinah yang ingin dicapai itu menurut beliau lagi, perlu difahami dari dua aspek yang berbeza, iaitu:

- a. Aspek 'Fakta' mengenai Negara Madinah. Ia adalah sistem nilai berbentuk rohani, moral dan budaya yang menjadi asas dalam pembentukan Negara Madinah oleh Baginda Rasulullah s.a.w sendiri. Aspek ini merupakan komponen tetap (*thabat*) dan tidak berubah mengikut peredaran zaman. Pencapaiannya dalam realiti masa kini dan masa hadapan amat bergantung kepada kesedaran rohani setiap individu Muslim dan kemampuan masyarakat Islam mencipta persekitaran yang sesuai untuk merealisasikan nilai-nilai Islam.
- b. Aspek 'Stail' bagi Negara Madinah. Ia adalah aspek yang boleh mengalami perubahan (*murunah* - lentur) berdasarkan tuntutan semasa. Dalam hal ini, Sardar memberi beberapa contoh konsep-konsep yang terkandung dalam aspek 'Stail' ini, antaranya seperti prinsip peraturan umum Syariah tentang peperangan, syura dan ijmak (Ziauddin Sardar 1988).

Persoalannya, apakah wujud negara Islam yang ideal itu? Dan bagaimana polemik berkaitan negara Islam di era moden ini dapat dirumuskan? Beberapa perkembangan mutakhir kelihatannya menjuruskan sintesis kepada konsep negara Islam melalui usaha-usaha mencari titik damai antara konsep negara Islam dengan demokrasi. Perkembangan ini muncul hasil pengalaman yang ditempuh oleh umat Islam pasca Arab Spring di satu sisi, dan di satu sisi yang lain, pasca ISIS (*Islamic State of Iraq and Syria*). Tuntutan yang kuat terhadap reformasi dan demokrasi dalam kalangan masyarakat Islam di dunia Arab terutamanya menyaksikan pembangunan dan perbahasan berkaitan maqasid syariah dan tadbir urus sebagai ciri dan orientasi baru negara Islam di era moden. Fasa ini telah melahirkan satu paradigma baru di seluruh dunia Islam dengan ditandai oleh pemikiran pasca Islamisme.

Asef Bayat di dalam artikelnya bertajuk "*What Is Post Islamism?*" (2005) telah menerangkan mengenai kemunculan aliran pemikiran pasca Islamisme yang bermula di negara-negara Islam seperti Mesir, Tunisia dan Turki. Kemunculan pasca Islamsisme tersebut berterusan dengan perkembangan fenomena Arab Spring yang membawa revolusi atau kebangkitan rakyat di negara-negara Arab dengan tuntutan-tuntutan supaya kebebasan politik, ekonomi dan keadilan sosial dikembalikan semula (Manfreda 2011).

Menurut Haris Zalkapli (2012), kebangkitan rakyat di Mesir bermula pada 25 Januari 2011 yang akhirnya menggulingkan pemerintahan kerajaan Mesir. Fenomena tersebut telah menular di beberapa negara Arab seperti Libya, Yaman, dan Syria. Peristiwa Arab Spring merupakan fenomena yang telah mengubah struktur dunia Arab yang membawa kepada penggulingan rejim pemerintah. Fasa perubahan dalam politik dunia Arab selari dengan tuntutan demokrasi dan hak rakyat yang mulai hilang kepercayaan terhadap bentuk pemerintahan autokrasi. Perkembangan ini juga menyebabkan rejim politik di negara Arab mulai melakukan reformasi terhadap pentadbiran negara dalam erti kata menekankan prinsip-prinsip demokrasi dan tata kelola kerana contoh kejayaan pengamalannya oleh beberapa negara seperti Iran dan Turki. Dalam konteks Malaysia sendiri, parti politik yang berorientasikan Islam seperti PAS juga telah mengambil pendekatan yang lebih sederhana dengan bekerjasama dengan golongan bukan Islam secara *tahalluf siyasi* serta bersifat lebih inklusif (Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria 2013).

Pada asasnya, sesebuah negara Islam itu selain daripada mempunyai wilayah sebagai batas kenegaraan dan masyarakat, syariah dan hukum Islam juga adalah merupakan antara ciri

pentingnya. Umumnya, syariah wujud bagi kebaikan dan maslahat agama dan dunia. Al-Ghazali dalam hal ini menyatakan bahawa tujuan penubuhan sebuah negara adalah untuk membolehkan rakyatnya mencapai maslahat di dunia dan di akhirat. Justeru maqasid syariah merupakan jalan untuk sampai kepada kemaslahatan, sekaligus mencirikan Islamnya sesebuah negara Islam. Tujuan maqasid syariah untuk menjaga hak manusia seperti agama, nyawa, nasab, harta dan akal adalah bertepatan dengan asas kewujudan negara kerana jaminan keselamatan dan keamanan di bawah naungannya. Bahkan, maqasid merupakan satu wasilah dan metodologi intelektual paling penting pada hari ini dalam kerangka untuk menjaga hak-hak umat Islam dan menolak ketidakadilan sistem sivil serta menetapkan hak-hak kemanusiaan secara lebih luas dan menyeluruh (Jasser Auda, 2014).

Terdapat tiga aspek ataupun peringkat maqasid syariah yang dijadikan kayu ukur dalam menilai sesuatu keperluan atau tindakan, iaitu *dharuriyat* (asasi), *hajiyyat* (kehendak) dan *tahsiniyyat* (kesempurnaan). Dalam konteks semasa, maqasid syariah ini dikembangkan lagi dari sudut pengaplikasian teori dan praktikal. Lima prinsip asas maqasid yang pada awalnya sebagai wasilah untuk mencapai kemaslahatan, kini menyumbang kepada pengukuhan hubungan dan nilai-nilai positif dan dinamis yang wujud dalam perkembangan semasa. Sebagai contoh, *masalahah* untuk menjaga nasab dikembangkan kepada pemeliharaan keharmonian institusi keluarga serta menjaga umat Islam dari melakukan perbuatan sumbang. Justeru undang-undang dan penguatkuasaan yang bertindak mencegah berlakunya perbuatan sumbang oleh individu bukan muhrim seperti yang dilaksanakan di Malaysia dilihat sebagai salah satu manifestasi *masalahah* yang menekankan penjagaan nasab (Imam Feisal Abdul Rauf 2015).

Demikian juga akta dan set undang-undang berkaitan penjagaan agama seperti undang-undang yang mencegah berlakunya pencabulan terhadap agama Islam, murtad dan hukuman tangkap yang dikenakan terhadap individu yang menghina Islam, meletakkan agama Islam sebagai nilai tertinggi dalam perlembagaan iaitu dengan menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara juga dianggap sebagai manifestasi maqasid syariah. Asas maqasid syariah dalam penentuan keislaman sesebuah negara memberi ruang yang sangat luas dan fleksibel terhadap konsep negara Islam pada masa kini. Apabila sesebuah negara itu menepati maqasid syariah seperti menjaga kemaslahatan, amar makruf nahi Munkar dan menegakkan syariat Allah maka sesebuah negara itu telah dapat dipastikan keIslamannya. Parameter maqasid boleh diukur dalam pentadbiran melalui cerminan hukum dan undang-undang yang telah sedia dibentuk selagi mana ia bertepatan dalam mencegah kemudaratan dan memelihara *masalahah* masyarakat.

Selain maqasid syariah, ciri kedua sesebuah negara Islam moden adalah kebertanggungjawabannya yang tinggi pemerintah dalam memelihara dan menjamin hak-hak yang telah diberikan Tuhan kepada masyarakatnya. Antara hak-hak tersebut ialah hak mendapat keadilan, hak persamaan, hak kebebasan dan lain-lain (Dhiauddin Rais 2001). Fungsi tadbir urus negara adalah untuk memastikan negara berada dalam keadaan baik dan tersusun. Oleh itu, menurut Imam Feisal (2015), setiap keputusan yang perlu dibuat dalam tadbir urus negara harus berdasarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mendalam. Selain itu, demi menjamin keputusan yang dibuat tidak mendatangkan kemudaratan, maka sesebuah negara perlu menubuhkan suatu bidang konsultasi ataupun syura dengan menggunakan kaedah demokratik seperti penubuhan parlimen.

Selain itu, di bawah indikasi keadilan dan kesamarataan, Imam Feisal Abdul Rauf (2015) mengemukakan prinsip *la darar wa la dirar fil Islam* yang bermaksud menghapuskan kesusahan yang boleh membawa kemudaratan (*elimination of hardship and causing harm*). Keadilan yang dibawa oleh Islam adalah tidak bertentangan dengan keperluan dan hak asasi manusia yang sepatutnya. Oleh itu, beberapa set deklarasi yang membela hak manusia seperti *Universal Declaration of Human Rights*, *Geneva Convention* dan beberapa set tuntutan antarabangsa adalah tidak bertentangan dengan Islam. Soal kesamarataan yang tidak bertentangan dengan syariat Islam juga tidak menjadi masalah dalam negara Islam. Antara soal kesamarataan tersebut ialah, tiada pengecualian dalam menerima hukuman termasuk pemerintah, kesamarataan dalam peluang ekonomi, pendidikan dan pekerjaan serta tidak melakukan diskriminasi agama, bangsa, warna kulit dan sebagainya.

Justeru, sintesis negara Islam moden pada masa kini boleh diasaskan kepada beberapa hal yang fundamental, antaranya:

a. Asas Kenegaraan

Secara rasionalnya, jika sesebuah negara itu menjadikan rangka utama perlembagaan ataupun perundangannya dengan berpegang kepada wahyu Tuhan, maka secara tidak langsung ini menjadikan negara identiti negara tersebut sebagai sebuah negara Islam yang menjunjung kedaulatan kuasa Tuhan sebagai autoriti utama perundangan. Selain itu, menjadikan syariah sebagai kuasa perundangan dan asas kepada pembuatan hukum juga menjadikan sesebuah negara itu layak dipanggil negara Islam meskipun tidak diisytiharkan secara rasmi.

Pemimpin ataupun ketua negara merupakan antara individu penting kerana menjadi cerminan kepada negara yang diperintah olehnya. Oleh itu, beberapa kelayakan yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin sebuah negara Islam agar pemerintahan mampu mencapai tujuan akhir pemerintahan dalam Islam iaitu kemaslahatan. Antara ciri-ciri ataupun sifat yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin ialah takwa, hikmah dan berilmu serta adil.

b. Pemeliharaan dan Jaminan Kedudukan Syariah

Mekanisme secara praktikal juga perlu diterapkan dalam sistem tadbir urus bagi memastikan setiap undang-undang, hukum dan polisi masih berada dalam landasan syariah yang benar. Hal ini bagi memelihara rukun-rukun Islam serta menjamin kedudukan syariah sebagai sumber utama perundangan. Kewujudan institusi agama serta perundangan yang khas bagi memelihara Syariah dalam sesebuah negara menjustifikasikan kedudukan negara tersebut sebagai sebuah negara Islam. Ia menunjukkan bahawa pihak pemerintah menyediakan mekanisme bagi melaksanakan syariah dan maqasid syariah dalam pentadbiran dan tata kelola negara.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perbincangan tentang negara Islam di era moden pada hari ini telah melalui proses dinamika dalam menentukan konsep dan ciri-cirinya. Perbincangan yang dibawa oleh para ilmuwan dan ulama terdahulu masih dianggap relevan sebagai rujukan asas terhadap pemahaman teks dan konteks di mana masyarakat Islam hidup dan tinggal serta sesuai dengan

keperluan, cabaran serta tuntutan pada setiap peringkat zamannya. Ia adalah suatu proses interaksi antara wahyu dan pemahaman terhadap intipati wahyu mengenai kehidupan politik dan bernegara yang sesuai dengan *zeitgeist* era Madinah, pasca kewafatan Baginda Rasulullah s.a.w, era khilafah-khilafah Islam dan akhir sekali era negara-bangsa (*nation state*) seperti pada hari ini.

Pemahaman negara Islam moden terutama era pasca kolonial tidak dapat tidak perlu mengambil kira realiti sifat negara Islam yang tertakluk kepada bentuk negara-bangsa berasaskan nasionalisme, sempadan geografi serta perundangan tinggalan dan asimilasi era kolonial kerana sebahagian besar negara Islam adalah bekas tanah jajahan Barat. Kemudiannya, fasa idealisme negara Islam telah mengalami perubahan besar, akibat daripada tuntutan reformasi dan demokrasi pasca Arab Spring dan juga pasca ISIS. Reformasi ke arah demokrasi dan partisipasi rakyat dalam pentadbiran negara ini membawa kepada pewacanaan tentang tujuan syariah (maqasid syariah) dalam tadbir urus negara secara lebih menyeluruh dan komprehensif, bukan sekadar pelaksanaan undang-undang jenayah seperti hudud semata-mata.

Lebih penting lagi, ia menjelaskan peranan agama dan negara yang tidak terikat dengan konsep negara-bangsa semata, tetapi sebenarnya berdasarkan kerangka falsafah kenegaraan dan pembangunan sosial dalam perspektif membangunkan masyarakat dan umat Islam berdasarkan panutan kepada akidah, syariah dan etika Islam, dalam masa yang sama terbuka dan luwes terhadap sistem dan budaya hasil interaksi pelbagai masyarakat dan agama dalam sebuah negara atau khilafah Islam. Wacana yang menonjolkan ciri-ciri dinamis dalam Islam ini secara lebih jelas dibangunkan dengan menekankan nilai-nilai kesederhanaan, inklusiviti dan universalisme Islam berasaskan prinsip-prinsip kemanusiaan dan menekankan kepada keamanan dan perpaduan sejagat. Ia bertujuan untuk memposisikan semula Islam dalam dunia moden pada hari ini, bukan semata-mata sebagai sebuah negara atau pemerintahan, bahkan lebih daripada itu, untuk membawa visi Islam sebagai pandangan hidup dan tamadun yang unggul dan universal.

Rujukan

- A. Hasjmy. 1984. *Di mana Letaknya Agama Islam*. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Abdul Muin Salim. 1995. *Fiqh Siyasah: Konsep Kekuasaan Politik Dalam Al-Quran*. Jakarta: PT. Raja Grafindo.
- Abdul Rauf, Imam Feisal. 2015. *Defining Islamic Statehood: Measuring and Indexing Contemporary Muslim States*. London: Palgrave Macmillan.
- Abdullah Yusuf Ali. 1938. *The Meaning of The Glorious Quran*. Beirut: Dar al-Kitab.
- Ahmad Al-Mursi Hussain Jauhar. 2009. *Maqasid Syariah*. terj. Jakarta: AMZAH.
- Ahmad Syafii Maarif. 1985. *Islam dan Masalah Kenegaraan: Studi tentang Percaturan dalam Konstituante*. Jakarta: Lembaga Penelitian Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.
- Ahmad, Irfan. 2009. Geneology of the Islamic State: Reflection on Maududi's political thought and Islamism. *The Journal of the Royal Anthropological Institute*, Vol. 15, Islam, Politics, Anthropology (2009), pp. S145-S162. <https://www.jstor.org/stable/20527694>
- Akbar Sarif & Ridzwan Ahmad. 2017. Konsep Maslahat dan Mafsadah menurut Imam al-Ghazali. *Jurnal Tsaqafah*. 13(2): 353-368.

- Amin, Husnul. 2010. *From Islamism To Post-Islamism: a Study of a New Intellectual Discourse on Islam and Modernity in Pakistan*. Tesis Phd. The Netherlands: Erasmus University of Rotterdam.
- Auda, Jasser. 2014. *Memahami Maqasid Syariah*. Terj. Selangor: PTS Islamika SDN.BHD.
- Baeni Ahmad Saebani. 2007. *Fiqh Siyasah: Pengantar Ilmu Politik Islam*. Bandung: Pustaka Setia
- Bayat, Asef. 2005. What is Post-Islamism. *ISIM Review* 16: 5.
- Dhiauddin Rais. 2001. *Teori Politik Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Didin Sefuddin Buchori. 2009. *Sejarah Politik Islam*. Jakarta: Pustaka Intermasa.
- Esposito, John L (pnyt.). 2003. *The Oxford Dictionary of Islam*. Oxford: Oxford University Press .
- Ghazali al-, Abu Hamid. 2003. *Al-Iqtishad fii al-'Itiqad*. Beirut: Dar al-Qutaibah.
- H. Zainal Abidin Ahmad. 1975. *Konsepsi Negara Bermoral Menurut Imam al-Ghazali*. Jakarta: Penerbit Bulan Lintang.
- H. Zainal Abidin Ahmad. 1974. *Negara Adil Makmur Menurut Ibnu Sina*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Haris Zalkapli. 2012. *Kebangkitan Gerakan Islam dalam Fenomena Arab Spring*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Hasim, Moh. E. 1987. *Kamus Istilah Islam* (Terj). United States: University of Michigan.
- Ibnu Manzur. 1990. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Idris Zakaria. 1986. *Teori Kenegaraan al-Farabi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- M. Hasbi Amiruddin. 2006. *Konsep Negara Islam Menurut Fazlur Rahman*. Aceh: UII Press.
- Manfreda, P. 2011. *What is The Arab Spring?* <https://www.thoughtco.com/definition-of-the-arab-spring-2353029> (30 Desember 2023)
- Maududi al-, Abu 'Ala. *Teori Politik Islam*. terj. Kuala Lumpur: Agensi Media Islam.
- Maududi al-, Abul A'ala. 1976. *Rights Of Non-Muslims In Islamic State*. Pakistan: Islamic Publication Limited
- Mawardi al-, Abu Hassan. 1973. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kairo: al-Halabi
- Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd Al-Adib Samuri, Salmy Edawati Yaacob. 2012. Penentuan ciri negara Islam menurut pemikiran empat mazhab fiqah. *Jurnal Hadhari* 4 (2) (2012) 89 – 106. Bangi: Institut Islam Hadhari.
- Muhammad Asad. 1961. *The Principles of State and Government in Islam*, University of California Press. Los Angeles.
- Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2013. Pasca-Islamisme dalam PAS: Analisis Terhadap Kesan Tahalluf Siyasi. *International Journal of Islamic Thought*, 8(1): 52-59.
- Munawir Syadzali. 1990. *Islam dan Tatanegara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- Rahman, Fazlur. 1986. *Islam and Political Action: Politics in the Service of Religion*. Dlm. Nige Biggar (pnty). *Cities of Gods; Faith, Politics and Pluralism in Judaism, Christianity and Islam*. New York: Green Wood Press.
- Sardar, Ziauddin (pnyt.). 1989. *An early crescent: the future of knowledge and environment in Islam*. London: Mansell Ltd.

- Sardar, Ziauddin. 1988. *The future of muslim civilization*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Sardar, Ziauddin. 1990. *Masa hadapan Islam: bentuk idea yang akan datang*. Terj. Mohd Sidin Ahmad Ishak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Usman, Abdul Karim. 1977. *Sirah al-Ghazali*. Kuwait: Dar al-Fikr.
- Zulázmí Yaakob & Ahmad Sunawari Long. 2015. Terorisme sebagai cabaran ideologi Muslim masa kini: satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, 7: 58-63.